

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK

Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan akademik secara Tetap/Kontrak di **Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial (FPKS)** seperti berikut:

KURSUS		CAWANGAN KAMPUS
1	Psikologi	Kota Kinabalu
2	Psikologi dengan Pengurusan	Kota Kinabalu
3	Kerja Sosial	Kota Kinabalu

JAWATAN : PENSYARAH UNIVERSITI (GRED DS13/DS14/KHAS C)

- i. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Perkhidmatan Pendidikan
 ii. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan dan Profesional

SYARAT-SYARAT UMUM

- i. Berusia sekurang-kurangnya 18 tahun bagi calon warganegara pada tarikh tutup iklan;
- ii. Mempunyai latarbelakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.0, atau yang setaraf dengannya;
- iii. Bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan ijazah sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang relevan dan berkaitan dengan kelayakan sarjana tersebut);
- iv. Calon warganegara bagi tujuan pelantikan tetap hendaklah memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya);
- v. Mempunyai kelayakan atau kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (contoh : calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, keputusan MUET sekurang-kurangnya Gelung 3);

- vi. **Adaptasi Teknologi** – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membawa UMS ke arah kejayaan di era digital.
- vii. **Komunikasi** – Memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE PENSYARAH KANAN GRED DS13 :

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- Bidang/Kelayakan Khusus
- i. Memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - ii. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
 - iii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
 - iv. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- Gaji Permulaan : RM6,210.00

KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR MADYA GRED DS14 :

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- Bidang/Kelayakan Khusus : memenuhi syarat lantikan di Gred DS13 dan;
- i. mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
 - ii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
 - iii. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan
- Gaji Permulaan : RM6,560.00

KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR GRED KHAS C :

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
- Bidang/Kelayakan Khusus : memenuhi syarat lantikan di Gred DS13 dan;
- i. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
 - ii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
 - iii. mempunyai rekod dalam penerbitan yang berimpak tinggi; dan
 - iv. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan
- Gaji Permulaan : RM7,990.00

SYARAT TAMBAHAN

Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kriteria seperti berikut:

1. Mempunyai penerbitan dalam jurnal berindeks (ERA/SCOPUS/WOS); atau
2. Mempunyai pengalaman sebagai ketua dan ahli dalam geran penyelidikan sama ada di peringkat Universiti, kebangsaan dan antarabangsa; atau
3. Mempunyai pengalaman menyelia pelajar pascasiswazah; atau
4. Mempunyai pengalaman bekerja dalam industri bagi bidang-bidang yang berkaitan

CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik kepada Pentadbiran FPKS melalui emel pejfpks@ums.edu.my

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **2 April 2026 (Khamis)**.

Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pihak Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial:

HAJI AZLAN BIN AWANG

Ketua Pentadbiran

Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial

E-mel : azlan74@ums.edu.my

PUAN MASNAH BINTI AKIB

Pembantu Tadbir (P/O) Kanan

Pejabat Pentadbiran FPKS

E-mel: masnah@ums.edu.my